

10/02/1997

PM kesal sikap pengguna jalan

Kamal Ahmad; Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal terhadap sikap sesetengah pengguna jalan raya yang tidak mematuhi peraturan walaupun pihak berkuasa telah mengambil langkah serius untuk mengurangkan kadar kemalangan.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak boleh membuat apa-apa lagi jika pengguna jalan raya, terutama penunggang motosikal masih enggan mematuhi peraturan jalan raya.

"Kita sampai tak tahu apa lagi nak buat. Kita minta supaya orang jangan gopoh, bawa perlahan-lahan sampai rumah. Kalau lambat 15 minit apa salahnya. Buat apa gopoh sangat, terutama penunggang motosikal."

"Kadang-kala saya bawa kereta dan saya dapati penunggang motosikal potong depan tak kira orang lain. Macam dia tak boleh mati punya orang," katanya.

Beliau berkata, penunggang motosikal yang paling terdedah kepada bahaya.

"Kita dah nasihat, kita ada polis, kita ada radar dan macam-macam kita buat," kata beliau kepada pemberita di rumah terbuka beliau sempena Aidilfitri di Sri Perdana di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai jumlah kemalangan maut yang terus meningkat setiap hari terutama pada cuti perayaan kembar ini walaupun pihak berkuasa melancarkan kempen pemanduan berhemah, melipatgandakan operasi mengesan pemandu melebihi had laju dan melancarkan Ops Pacak.

Sebanyak 22 kematian dilaporkan pada Jumaat berbanding 19 kematian pada Khamis lalu. Penunggang dan pembonceng motosikal terus menduduki senarai tertinggi mangsa yang terkorban dalam nahas jalan raya.

Sejak Ops Pacak dilancarkan 31 Januari lalu sempena musim perayaan Tahun Baru Cina dan Aidilfitri, 143 pengguna jalan raya terkorban dalam 5,352 kemalangan di seluruh negara.

Peningkatan mendadak bermula dengan 15 kematian pada Selasa lalu, Rabu (17), Khamis (19), Jumaat (22) dan Sabtu (21).

Dr Mahathir berkata, kedegilan pemandu mematuhi isyarat lalu lintas dan memandu secara berbahaya adalah antara punca kemalangan jalan raya terus meningkat.

Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dikunjungi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim serta isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail.

Menteri Kabinet, pemimpin politik, perwakilan asing, pelancong dan lebih 10,000 orang pelbagai kaum turut mengucapkan Selamat Aidilfitri serta menjamu selera bersama Perdana Menteri pada sesi sebelah pagi.

Dr Mahathir juga kesal sikap kebanyakan pemandu di ibu kota enggan menjayakan kempen Kongsi Kereta yang bertujuan mengurangkan kesesakan lalu lintas dan jumlah kereta dalam kawasan bandar.

"Dia tak mahu tapi lepas itu dia gaduh pasal apa jadi sesak. Kalau semua turut yang kita buat iaitu satu kereta empat orang, kalau ada bas, bagi bas jalan dulu dan kalau ada lampu jangan masuk kotak petak, Inshaallah tidak ada masalah. Tapi kalau semua orang tak ikut peraturan lepas itu kita marah pada orang lain, payahlah."

"Kebanyakan daripada masalah adalah disebabkan oleh pemandu sendiri yang gopoh dan tak ikut peraturan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan pengangkutan awam seperti LRT, bas hawa dingin dan keretapi supaya orang ramai tidak memandu sendiri kereta ketika memasuki kawasan bandar.

"Kita buat macam-macam untuk memberi kemudahan tapi orang ramai tak mahu cari jalan yang senang. Mereka lebih suka memandu satu kereta satu atau dua orang," katanya.

(END)